



Yayasan Waqaf Malaysia

## SIARAN MEDIA

### YAYASAN WAQAF MALAYSIA

#### **YWM RAIKAN PENERIMA DANA WAKAF BERTEMPOH DI BAWAH PROGRAM iTEKAD CIMB ISLAMIC ENTREPRENEUR 2.0**

---

**Kelana Jaya, 19 Mei 2023** – Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) telah menganjurkan Majlis Raya YWM bersama para peserta Program iTEKAD CIMB Islamic Rider Entrepreneur 2.0, bertujuan meraikan para penerima manfaat wakaf yang sedang menjalani program ini, yang terdiri daripada golongan belia dari keluarga B40 sekitar Lembah Klang dengan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM5,000.00.

Program iTEKAD CIMB Islamic Rider Entrepreneur 2.0 ini merupakan program kerjasama antara YWM, CIMB Islamic Bank Berhad dan Yayasan Belia Malaysia (YBM) di mana program ini merupakan program pertama YWM mengaplikasikan Wakaf Muaqqat atau Wakaf Bertempoh.

Kaedah pelaksanaan yang berkonsepkan “*ariyah*” atau pinjaman digunapakai bagi pelaksanaan program ini. YWM akan membuat kutipan dana Wakaf Tunai di bawah skim Sijil Wakaf Tunai Pembangunan Ekonomi di platform CIMB Clicks!. Dana wakaf yang terkumpul akan ditukarkan kepada motosikal (*‘ayn* wakaf) dan diserahkan kepada YBM secara wakaf bertempoh yang terikat selama 12 bulan. Dalam tempoh pewakafan yang sama, YBM akan menyerahkan motosikal tersebut kepada peserta program sebagai “*ariyah*” atau pinjaman untuk digunakan dalam urusan penghantaran makanan. Setelah tamat tempoh pewakafan, YWM akan membenarkan YBM untuk menghibahkan motosikal tersebut kepada peserta program apabila mereka berjaya menamatkan program tersebut mengikut terma yang telah dipersetujui.

Pada 19 Disember 2022 yang lalu, Majlis Penyerahan Bantuan Motosikal Program iTEKAD CIMB Islamic Rider Entrepreneur 2.0 telah diadakan. Sebagai permulaan, sebanyak 32 buah motosikal wakaf telah diserahkan kepada para peserta yang telah berjaya dalam sesi tapisan dan pemilihan yang telah dilaksanakan. Para peserta juga diberikan kelengkapan barangan *Foodpanda* bagi permulaan sebagai penghantar makanan.

Matlamat utama program ini ialah menyediakan kemudahan kepada golongan B40

dan asnaf yang terjejas semasa pandemik COVID-19 dalam mencari pendapatan untuk kelangsungan hidup mereka. Selain memberi peluang pekerjaan, mereka juga diberikan peluang untuk mengikuti kursus keusahawanan yang dilaksanakan oleh pihak Taylor's University.

Bagi memastikan program ini dilaksanakan bertepatan dengan konsep wakaf, pendekatan prinsip wakaf yang diaplikasikan dalam program ini dipatuhi di mana **pewakaf** adalah masyarakat awam atau institusi, **harta yang diwakafkan** adalah motosikal, **penerima manfaat wakaf** adalah peserta program, manakala **penyataan wakaf** dinyatakan secara jelas dalam dokumen wakaf.

Sejumlah RM300,000.00 dana telah disediakan bagi menjayakan Program iTEKAD CIMB Islamic Rider Entrepreneur 2.0 di mana sejumlah RM150,000.00 merupakan dana wakaf institusi (wakaf bertempoh) daripada YWM dan baki RM150,000.00 telah disediakan oleh pihak CIMB Islamic Bank Berhad sebagai dana pemula pelaksanaan program ini.

Kerjasama antara YWM dan CIMB Islamic Bank Berhad telah mula terjalin sejak tahun 2016 menerusi beberapa produk kerjasama sebelum ini iaitu:

- a. kempen Dana P.U.L.I.H (iaitu Peralatan Untuk Kelengkapan dan Pemulihan Hospital) semasa negara berdepan dengan wabak COVID-19 di mana dana wakaf yang diterima melalui platform CIMB Clicks! digunakan bagi tujuan menyediakan peralatan dan kelengkapan hospital seperti set katil ICU, mesin pernafasan, mesin Ultrasound dan ventilator khususnya kepada hospital-hospital rujukan yang mengendalikan kes COVID-19;
- b. pelaksanaan Program iTEKAD 2.0 CIMB Islamic Rider Entrepreneur yang telah memberi manfaat kepada individu terjejas pendapatan semasa tempoh pandemik. dan
- c. pembelian 2 ekor kuda bagi tujuan pendidikan kepada anak-anak *autisme* atau *cerebral palsy* di bawah Sijil Wakaf Tunai Pendidikan.

Selain kolaborasi dalam membangunkan produk wakaf, CIMB Islamic Bank Berhad turut menyahut seruan Kerajaan dan mendokong usaha YWM dalam membudayakan amalan berwakaf dalam kalangan masyarakat seterusnya memperkasa industri wakaf di Malaysia. Bagi tujuan ini, CIMB Islamic Bank Berhad telah memperuntukkan sejumlah RM100,000.00 pada tahun ini kepada YWM bagi tujuan pelaksanaan Program Pembudayaan dan Sosialisasi Wakaf sepanjang Bulan Wakaf Kebangsaan 2023 yang bermula pada 23 Mac 2023 bersamaan 1 Ramadan 1444H.

Menerusi majlis ini juga, YBrS. Encik Abdul Halim bin Mat Yusop, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif YWM telah menyampaikan sumbangan duit raya kepada semua

peserta program yang hadir. Beliau turut mengucapkan selamat maju jaya kepada semua peserta dan menyeru untuk sama-sama menyuburkan budaya berwakaf dalam kehidupan mereka.

Kini, dengan serendah RM1.00, masyarakat boleh berwakaf pada bila-bila masa, melalui CIMB *Clicks!* atau imbas QR DuitNow di bawah,



- Tamat -

---

### **Yayasan Waqaf Malaysia**

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) adalah sebuah entiti wakaf kebangsaan yang telah ditubuhkan pada 23 Julai 2008 dan didaftarkan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai YWM, maklumat terkini pelaksanaan projek wakaf dan untuk berwakaf sila layari [www.ywm.gov.my](http://www.ywm.gov.my)

**Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:**

- 1. Cik Haidatul Azia binti Husin**  
**Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**019-3883395 | azia@ywm.gov.my**
- 2. Cik Nur Ain binti Mohd Nazri**  
**Pegawai Media**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my**